

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 JANUARY 2017

## Tok Nan, pemimpin berjiwa 1Malaysia

UM-13/1/2017

**KUALA LUMPUR 12 Jan.** - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan pemergian Allahyarham Tan Sri Adenan Satem sebagai satu kehilangan dan negara tidak lagi mempunyai seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan tegas dalam melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai Ketua Menteri.

Perdana Menteri berkata, Allahyarham telah meletakkan kepentingan rakyat melebihi kepentingan diri sendiri dan banyak transformasi yang telah dilaksanakan Adenan atau lebih dikenali sebagai Tok Nan sepanjang beliau menjadi Ketua Menteri yang membuatkan rakyat lebih sayang dan yakin kepada kepemimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Menurutnya, beliau berbangga bahawa hubungan antara kerajaan Pusat dan kerajaan Sarawak mencapai tahap tinggi di bawah kepemimpinan 'Tok Nan' dan Allahyarham merupakan seorang tokoh 1Malaysia, seorang pemimpin yang menjiwai semangat 1Malaysia.

"Allahyarham seorang pemimpin yang mampu menyatukan rakyat yang berbilang kaum di bawah satu bumbung dan tidak pernah mengeneipkan kepentingan mana-mana kaum. Saya yakin mana-mana komuniti di Sarawak baik Dayak, Cina, Melayu atau Kelabit memandang tinggi, hormat dan sayang kepada 'Apai Besar Sarawak' mereka.



**GAMBAR kenangan Najib Tun Razak bersama Adenan Satem dalam blog [najibrazak.com](http://najibrazak.com).**

"Malah, Allahyarham juga berupaya untuk berucap dalam bahasa Cina. Contohnya, dalam salah satu majlis pada tahun 2015, ketika itu kebanyakan hadirin terdiri daripada komuniti Cina dan 'Tok Nan' dengan bersahaja mampu mencuit hati tetamu yang dijemput dan mengumumkan dasar-dasar yang memberi manfaat kepada rakyat Sarawak dari segi pendidikan dan kos sara hidup," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi blog [najibrazak.com](http://najibrazak.com) di sini hari ini apabila mengimbas kem-

bali kenangan bersama Allahyarham.

Dalam pada itu, Najib sebagai Pengerusi BN berkata, pengalaman berkempen ketika Pilihan Raya Negeri Sarawak 2015 masih segar dalam ingatannya yang mana Tok Nan mengetuai jentera pilihan raya dan meraih kemenangan yang amat besar sehingga mencetuskan tsunami politik, membawa gelombang biru atau faktor Adenan.

"Saya doakan agar Allah swt terus meletakkan Allahyarham Tok Nan di bawah perlindungannya. Al-Fatihah," katanya.